

19 SEP 2000

Mahathir-Pelajar

PERDANA MENTERI INGATKAN PELAJAR JANGAN BAZIRKAN WANG RAKYAT

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para pelajar Bumiputera di institusi pengajian tinggi supaya jangan membazirkan wang rakyat jika mereka tidak berminat belajar.

"Adalah lebih baik tempat mereka diberi kepada yang ingin belajar secara serius," kata Perdana Menteri.

Ini kerana katanya kerajaan telah menyediakan peruntukan yang begitu besar untuk memastikan generasi muda, termasuk pelajar Bumiputera, berpeluang belajar di univerviti.

Bagaimanapun sesetengah pelajar Bumiputera banyak mensia-siakan wang rakyat dengan menghabiskan masa dan tenaga dalam kegiatan yang tiada kena mengena dengan fungsi mereka sebagai pelajar seperti berdemonstrasi di jalanan.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan amanat kepada kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini selepas merasmikan kampus induk universiti itu.

Bahkan kata Perdana Menteri ada sesetengah pelajar Bumiputera cuba mengajar kerajaan bagaimana hendak mentadbir negara.

"Inilah sebabnya pencapaian mereka amat berkurangan berbanding pencapaian kaum lain yang lebih serius menuntut ilmu," katanya.

Kedadaan ini bertambah buruk, katanya apabila sesetengah pelajar Bumiputera dihasut oleh pihak tertentu untuk membenci kerajaan dengan mengatakan negara dipimpin oleh kerajaan yang zalim.

Terdahulu, dalam ucapan perasmiannya Dr Mahathir berkata semua pihak perlu mengambil perhatian serius terhadap masalah pencapaian pelajar Bumiputera di universiti-universiti yang amat mengecewakan.

-- BERNAMA

HAK RON